

Teksi air ganti feri 2020

Pengangkutan sedia ada digunakan untuk tujuan pelancongan ke Pulau Pinang

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

Georgetown: Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan perkhidmatan teksi air bagi menggantikan sebahagian daripada perkhidmatan feri di Pulau Pinang, tahun hadapan.

Menterinya, Anthony Loke, berkata sebahagian perkhidmatan feri sedia ada hanya akan digunakan bagi tujuan pelancongan memastikan teksi air atau *Catamaran Boat* itu dapat berfungsi secara menyeluruh.

"Pada mesyuarat baru-baru ini, kami bersetuju memperkenalkan sistem perkhidmatan teksi air, manakala feri sedia ada

akan dinaik taraf untuk sektor pelancongan sahaja.

"Feri harian masih beroperasi, tetapi daripada enam unit yang ada, mungkin hanya dua atau tiga unit dikekalkan untuk membawa kenderaan seperti biasa, manakala selebihnya akan digunakan untuk pelancongan," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas melancarkan Pas Mutiara Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) di Weld Quay di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PRASARANA, Datuk Mohammed Hazlan Mohamed Hussain.

Perkhidmatan teksi air adalah sebahagian daripada rancangan yang dikemukakan dalam Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang yang diumumkan pada 2016.

Difahamkan, dermaga teksi air akan dibina di Gurney Wharf, Persiaran Gurney di sini, yang akan menghubungkan tanah be-

sar di Butterworth.

Perkhidmatan feri Pulau Pinang yang bermula pada 1894 adalah feri penumpang pertama dan paling tua yang masih beroperasi di negara ini.

Sementara itu, PRASARANA memperkenalkan pas perjalanan tanpa had My50 dikenali Pas Mutiara yang boleh digunakan untuk sistem pengangkutan bersepadu bas RapidPenang dan Ra-

Feri harian masih beroperasi, tetapi daripada enam unit mungkin hanya dua atau tiga unit dikekalkan untuk membawa kenderaan seperti biasa.

Anthony Loke,
Menteri Pengangkutan

pidFerry di negeri ini, mulai 9 September ini.

Loke berharap kemudahan itu dapat meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat, selain menggalakkan mereka untuk bergerak dengan menggunakan sistem pengangkutan awam.

"Untuk RM50 yang dibayar oleh pengguna untuk masa penggunaan 30 hari, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan membiayai RM50 dalam bentuk subsidi kepada operator iaitu PRASARANA.

"RM50 yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah subsidi bantuan terus kepada rakyat," katanya.

Untuk rekod, sebanyak 404 bas RapidPenang beroperasi membatinkan 71 laluan dengan jumlah purata penumpang harian melebihi 71,000.

Disember tahun lalu, kerajaan melancarkan My100 dan My50, iaitu pas bulanan yang memberikan akses tanpa had kepada penggunaan perkhidmatan awam kendalian PRASARANA di Lembah Klang.